

PERALIHAN DARIPADA JAMINAN KESELAMATAN KEPADA ALAT KELANGSUNGAN HIDUP: PERUBAHAN PERANAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP) DALAM KALANGAN PEKERJA DI MALAYSIA SEMASA KRISIS

FROM SAFETY NET TO SURVIVAL TOOL: THE CHANGING ROLE OF THE EMPLOYEES PROVIDENT FUND (EPF) AMONG EMPLOYEES IN MALAYSIA DURING TIMES OF CRISIS

CLAUDIA JITON^{1*}
DZURIZAH IBRAHIM²

¹*Universiti Malaysia Sarawak, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia
Sarawak (UNIMAS) 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.*

Corresponding Author: jclaudia@unimas.my*

²*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Jalan UMS 88400
Kota Kinabalu Sabah, Malaysia. E-mail: dzuri@ums.edu.my*

*Submission Date: 22 September 2025 \Revised Date: 13 November 2025 \Acceptance Date: 21 December 2025
\Publication Date: 31 December 2025*

DOI: <https://doi.org/10.51200/jurnalkinabalu.v31i1.7138>

ABSTRAK Pandemik COVID-19 telah mengubah secara drastik peranan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Malaysia. Walaupun KWSP pada asalnya ditubuhkan sebagai skim simpanan persaraan, peranannya telah berubah buat sementara waktu kepada sumber kewangan kecemasan melalui skim khas seperti i-Lestari, i-Sinar, i-Citra dan Pengeluaran Khas semasa pandemik COVID-19. Walaupun KWSP pada asalnya ditubuhkan sebagai skim simpanan persaraan, peranannya telah berubah buat sementara waktu kepada sumber kewangan kecemasan melalui skim khas seperti i-Lestari, i-Sinar, i-Citra dan Pengeluaran Khas semasa pandemik COVID-19. Kajian ini meneliti peranan signifikan KWSP yang berkembang pesat semasa krisis, dengan memberi tumpuan khusus kepada pekerja sektor hospitaliti di Kuching, Sarawak yang merupakan salah satu pusat pelancongan utama di Borneo yang terjejas teruk akibat pandemik. Melalui pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes, dapatan kajian menunjukkan bahawa tekanan ekonomi, ketegangan emosi, dan kewajipan budaya yang berakar dalam komuniti tempatan merupakan faktor utama yang mempengaruhi keputusan pengeluaran awal. Keutamaan jangka pendek untuk kelangsungan hidup mengatasi matlamat simpanan jangka panjang, sekali gus mencabar andaian bahawa pekerja sentiasa merancang kewangan secara rasional. Penekanan terhadap konteks Sarawak memberikan dimensi baharu kepada literatur yang selama ini lebih banyak berfokus di Semenanjung Malaysia, serta menegaskan keperluan untuk rangka kerja KWSP yang lebih adaptif, inklusif, dan sensitif terhadap variasi sosial-budaya antara wilayah. Walaupun kajian ini terhad kepada saiz sampel kecil dan sektor hospitaliti, ia membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan merentas sektor, negeri, dan wilayah lain di Malaysia Timur.

Kata Kunci: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), COVID-19, pengeluaran awal, Sarawak, perlindungan sosial

ABSTRACT – *The COVID-19 pandemic has drastically changed the role of the Employees Provident Fund (EPF) in Malaysia. Although the EPF was originally established as a retirement savings scheme, its role temporarily shifted into an emergency financial resource through special schemes such as i-Lestari, i-Sinar, i-Citra, and Special Withdrawals during the COVID-19 pandemic. This study examines the significant role of the EPF that rapidly evolved during the crisis, with a specific focus on employees in the hospitality sector in Kuching, Sarawak, which is one of the major tourism centres in Borneo that was severely affected by the pandemic. Using a qualitative case study approach, the findings show that economic pressure, emotional stress, and culturally familial obligations within local communities are the main factors influencing early withdrawal decisions. Short-term survival priorities outweighed long-term savings objectives, while also challenging the assumption that employees always plan their finances rationally. The emphasis on the Sarawak context provides a new dimension to the literature, which has largely focused on Peninsular Malaysia, and highlights the need for an EPF framework that is more adaptive, inclusive, and sensitive to socio-cultural variations across regions. Although this study is limited by a small sample size and the hospitality sector, it opens space for further research across sectors, states, and other regions in East Malaysia.*

Keywords: *Employees Provident Fund (EPF), COVID-19, early withdrawals, Sarawak, social protection*

PENGENALAN

Pandemik COVID-19 telah mentakrifkan semula peranan sistem keselamatan sosial di seluruh dunia, mendedahkan kerentanan struktur dan mencabar andaian tentang tahap kesiapsiagaan kewangan. Di Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang secara umumnya dianggap sebagai mekanisme simpanan persaraan, mengalami perubahan ketara semasa krisis. Hakikat yang mana ramai individu di Malaysia yang bergelut dari aspek kewangan semasa krisis menjadi peringatan bahawa ramai rakyat yang tercicir daripada jaring perlindungan sosial negara dan sehingga menyebabkan peralihan penggunaan KWSP sebagai mekanisme simpanan persaraan kepada sumber kewangan kecemasan (PNB Research Institute, 2021; Jiton & Ibrahim, 2024). Keadaan ini telah membawa kepada wujudnya jurang rangsangan yang ketara, didorong oleh kekangan dari segi liputan dan pembiayaan. Peranan tradisional KWSP yang mendokong sistem keselamatan sosial telah mengalami satu anjakan perubahan iaitu berfungsi untuk membantu para pekerja yang terkesan dengan pandemik tersebut. Peralihan ini mencerminkan keperluan mendesak untuk mengimbangi kelangsungan hidup jangka pendek dengan jaminan persaraan jangka panjang, terutamanya untuk pekerja dalam sektor-sektor pekerjaan tidak menentu seperti perhotelan.

Penularan pandemik COVID-19 serta pelaksanaan langkah-langkah pembendungan telah membentuk semula struktur ekonomi dan kehidupan sosial di Malaysia. Diisytiharkan sebagai krisis kesihatan global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada Mac 2020, COVID-19 menular dengan cepat di Malaysia, mendorong kerajaan untuk menguatkuasakan pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung penularan (Salim et al., 2020). Sekatan ini, walaupun perlu dilakukan telah melumpuhkan aktiviti ekonomi, sehingga mengakibatkan gangguan kepada perniagaan secara meluas, menyebabkan kehilangan pekerjaan dan pengurangan gaji yang dilaporkan merentas industri (Nga et al., 2021). Sektor yang bergantung kepada pelancongan dan hospitaliti merupakan antara yang paling terjejas kerana sekatan pergerakan telah mengekang permintaan pelanggan dan menjejaskan kelestarian operasi. Seperti yang dinyatakan oleh Khan dan Hashim (2020), sektor pelancongan

dan perjalanan merupakan tulang belakang ekonomi global, namun pandemik COVID-19 telah menghentikan kesinambungan peranan tersebut. Keutamaan kerajaan ialah melindungi rakyat daripada virus berbahaya, namun keberhasilan usaha ini memerlukan kerjasama penuh rakyat dalam mematuhi arahan kerajaan bagi memutuskan rantai COVID-19 secara menyeluruh (Sitinurbayu Mohd Yusoff et al., 2021).

Di Sarawak, negeri terbesar di Malaysia, kematian pertama COVID-19 direkodkan pada Mac 2020. Walaupun penularan secara relatifnya terkawal sepanjang 2020, lonjakan kes pada awal 2021 memberi tekanan yang besar kepada kedua-dua sistem penjagaan kesihatan dan pasaran buruh (Chuong Hock, Joo Siang & Siok Wan, 2022; Phang, Labadin & Abd Rahman, 2022). Sekatan perjalanan dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia atau perintah berkurung di negara lain telah memburukkan lagi pengangguran dan ketidakjaminan pendapatan sehingga memaksa ramai pekerja menggunakan simpanan persaraan mereka untuk mendapatkan kelegaan segera.

Berdasarkan latar belakang ini, kerajaan Malaysia memperkenalkan langkah yang belum pernah dilakukan sebelum ini dengan membenarkan pengeluaran awal dana daripada KWSP untuk mengurangkan tekanan kewangan isi rumah. Walaupun OECD (2020) memberi amaran bahawa dasar sedemikian boleh menjejaskan kecukupan persaraan jangka panjang, inisiatif itu dilihat sebagai talian hayat yang perlu dalam menghadapi pengangguran besar-besaran dan ketidakpastian ekonomi. Oleh itu, peranan KWSP tidak lagi terhad kepada memastikan jaminan keselamatan selepas bersara tetapi diperluaskan kepada alat kelangsungan hidup semasa krisis.

Walaupun isu pengeluaran awal KWSP telah banyak dikaji di peringkat nasional, tumpuan kajian masih dominan di Semenanjung Malaysia. Seperti yang dinyatakan oleh Kimiyagahlam, Safari dan Mansori (2019), kajian mengenai tingkah laku perancangan persaraan di Malaysia seharusnya diperluas ke lokasi lain bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh dan kontekstual. Sebaliknya, konteks Borneo, khususnya Sarawak, jarang diteliti walaupun negeri ini mempunyai struktur ekonomi dan sosial yang berbeza, dengan kebergantungan yang tinggi terhadap sektor pelancongan dan hospitaliti. Maka, kajian ini memberikan sumbangan baharu melalui penerokaan pengalaman pekerja hotel di Kuching, Sarawak, sekali gus memperluas pemahaman tentang dinamika kewangan pekerja dalam konteks Malaysia Timur. Pendekatan ini menegaskan kepentingan memahami variasi wilayah dalam membentuk dasar perlindungan sosial yang lebih inklusif dan responsif.

Kajian ini mengkaji fungsi KWSP dengan tumpuan kepada pekerja sektor hospitaliti di Kuching, Sarawak. Berpandukan Teori Kitaran Hayat dan Teori Tingkah Laku Terancang, kajian ini menyiasat bagaimana tekanan ekonomi, tekanan emosi, dan kewajipan budaya mempengaruhi keputusan untuk mengeluarkan simpanan lebih awal. Dengan menyoroti peralihan daripada jaminan keselamatan jangka panjang kepada alat kelangsungan hidup semasa kecemasan, kajian ini menyumbang kepada perbincangan yang lebih luas mengenai kebolehsuaian sistem perlindungan sosial serta daya tahan pekerja dalam menghadapi krisis pada masa hadapan. Namun, kajian berkaitan KWSP dalam konteks Sarawak masih terhad, khususnya melibatkan pengalaman pekerja sektor hospitaliti.

SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai pengeluaran simpanan persaraan awal semasa pandemik COVID-19 menunjukkan bahawa walaupun langkah ini memberikan kelegaan kewangan jangka pendek,

tetapi ia juga menjejaskan keselamatan kewangan jangka panjang (Lorca, 2020; Lim et al., 2021; Bosch et al., 2020). Di Malaysia, KWSP ditubuhkan sebagai skim simpanan persaraan wajib untuk pekerja sektor swasta (World Bank Group, 2018). Bagaimanapun, pandemik telah mengubah sedikit peranan KWSP melalui inisiatif khas seperti i-Lestari, i-Sinar, i-Citra, dan Pengeluaran Khas yang membenarkan pencarum mengakses awal kepada dana persaraan mereka sebagai strategi kelangsungan hidup (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 2022).

Perubahan peranan KWSP ini turut mencetuskan pelbagai persoalan tentang mengapa sebahagian besar pencarum memilih untuk mengeluarkan simpanan mereka lebih awal, meskipun sedar akan implikasi jangka panjang terhadap persaraan. Sehubungan itu, kajian-kajian terdahulu telah mengenal pasti beberapa faktor utama yang mempengaruhi keputusan pengeluaran awal, termasuk faktor ekonomi, demografi, literasi kewangan serta pengaruh sosial dan dasar institusi.

Faktor Ekonomi

Keadaan ekonomi, terutamanya kejutan akibat daripada perubahan dalam pendapatan dan pengangguran, telah menjadi pamacu utama (Argento et al., 2014; Jusoh @ Hussain et al., 2020; Bateman et al., 2023). Kejutan pendapatan semasa COVID-19 memberi kesan besar kepada isi rumah di Malaysia akibat kehilangan pekerjaan dan pengurangan gaji, sekali gus mengurangkan penggunaan serta meningkatkan kebergantungan kepada pengeluaran awal (Jusoh @ Hussain et al., 2020; Lee & Hanna, 2020). Kajian menunjukkan isi rumah berpendapatan rendah lebih cenderung membuat pengeluaran ketika mengalami kejutan pendapatan (Argento et al., 2014), dan di Malaysia, kumpulan B40 bergantung kuat kepada PRIHATIN, i-Lestari dan pengurangan caruman sebagai bantuan kewangan (Zulfaka & Kassim, 2020). Kehilangan pendapatan juga boleh mendorong individu menuntut keselamatan sosial lebih awal, menjejaskan simpanan persaraan (Rappaport & Siegel, 2020; Zheng et al., 2024). Walaupun golongan berpendapatan rendah sering membuat pengeluaran awal, Bateman et al. (2023) mendapati bahawa golongan berpendapatan tinggi di Australia turut membuat pengeluaran maksimum. Akan tetapi, Lorca (2020) melaporkan bahawa pekerja berpendapatan tinggi di Chile kurang melakukannya kerana mempunyai simpanan alternatif.

Kenaikan kos sara hidup semasa pandemik menambah tekanan kepada isi rumah, terutama dengan peningkatan kos makanan, perumahan dan utiliti, menyebabkan sebahagian menggunakan pengeluaran dana persaraan untuk keperluan segera (Bateman et al., 2021; Bank Negara Malaysia, 2022). Kejutan kewangan mempengaruhi pengeluaran awal terutamanya dalam konteks Barat (Bateman et al., 2021; Lee & Hanna, 2020), namun kesannya di Malaysia masih kurang difahami.

Pengangguran dan ketidaktentuan pekerjaan turut mencetuskan pengeluaran awal, terutamanya ketika kehilangan pekerjaan dan pemberhentian kerja secara tidak sukarela (Butrica et al., 2010; Blanchett et al., 2020). Di Malaysia, kehilangan pendapatan dalam kalangan Perniagaan Kecil Sederhana (PKS) meningkatkan kadar pengangguran dan pengeluaran KWSP (Khalid, 2021), namun bukti masih terhad untuk menentukan sama ada pengeluaran didorong semata-mata oleh pengangguran atau juga oleh pemotongan gaji dan ketidaktentuan dalam kalangan pekerja yang masih bekerja.

Faktor Demografi

Faktor demografi juga membentuk tingkah laku yang mengakibatkan keputusan untuk mengeluarkan wang simpanan persaraan lebih awal (Awang et al., 2020; Shariff & Isah, 2019;

Lee & Hanna, 2020). Umur merupakan faktor demografi penting yang mempengaruhi keputusan membuat pengeluaran awal simpanan persaraan. Pekerja yang lebih muda mempunyai lebih banyak masa untuk menggantikan semula simpanan mereka berbanding pekerja yang lebih tua, sekali gus menunjukkan hubungan negatif antara umur dan kecenderungan membuat pengeluaran. Lee dan Hanna (2020) menyatakan bahawa individu muda dengan toleransi risiko yang lebih tinggi mungkin menjangka pulangan pelaburan yang lebih besar kerana masih ada masa yang panjang untuk terus mencarum maka lebih cenderung membuat pengeluaran berbanding mereka yang kurang toleran risiko. Jeszeck et al. (2019) pula mendapati bahawa pengeluaran awal lebih tinggi dalam kalangan mereka berumur 45 hingga 54 tahun berbanding kumpulan umur 25 hingga 34 dan 35 hingga 44. Golongan muda juga biasanya mempunyai simpanan yang minimum dan mungkin membuat pengeluaran untuk meningkatkan pendapatan boleh guna atau bersedia untuk keperluan masa depan (Folk, 2019).

Faktor Peribadi

Kurangnya pendidikan kewangan turut mempengaruhi kecenderungan membuat pengeluaran awal simpanan persaraan. Awang et al. (2020) mendapati tahap pendidikan dan pendapatan yang lebih tinggi berkait dengan simpanan KWSP yang lebih besar, manakala Clark et al. (2006) menunjukkan bahawa kurangnya pendidikan kewangan menyebabkan pekerja menyimpan terlalu lewat. Bateman et al. (2023) pula mendapati bahawa individu yang tidak mengetahui kesan pengeluaran awal lebih cenderung membuat keputusan tanpa pertimbangan, berbanding mereka yang mempunyai literasi kewangan lebih tinggi. Walaupun penasihat kewangan wajar dirujuk, majoriti individu lebih bergantung pada keluarga, rakan atau pengiraan sendiri (Bateman et al., 2023). Di Malaysia, 71% ahli KWSP memilih pengeluaran sekaligus dan 50% kehabisan simpanan dalam lima tahun (World Bank Group, 2018), menunjukkan tahap kesedaran yang rendah.

Dalam keadaan ketidaktentuan, ramai membuat pengeluaran sebagai langkah berjaga-jaga untuk menampung hutang, kehilangan pendapatan, atau perbelanjaan mendesak (GAO, 2019; Lim et al., 2021; Bateman et al., 2023). Pengangguran dan kejutan pendapatan juga mendorong peningkatan pengeluaran awal semasa pandemik (Blanchett et al., 2020; Derby et al., 2020; Jusoh @ Hussain et al., 2020).

Faktor sosial turut memainkan peranan penting, khususnya dalam budaya Timur di mana tanggungjawab filial terhadap ibu bapa lebih dominan (Yee et al., 2009). Individu mungkin membuat pengeluaran untuk membantu keluarga atau mengikut pengaruh rakan dan media sosial, termasuk berita berkaitan COVID-19 (Bateman et al., 2023; Jo López & Rosas, 2022). Namun, sedikit kajian meneliti bagaimana faktor ini dialami secara peribadi, khususnya dalam kalangan pekerja hotel di Malaysia.

Faktor Institusi dan Polisi

Pandemik COVID-19 mendorong banyak negara, termasuk Malaysia, untuk melaksanakan pelbagai dasar bagi menyokong individu yang terjejas. Di Malaysia, sekatan pergerakan menyebabkan penutupan sektor bukan penting, mengakibatkan cuti tanpa gaji, pemberhentian pekerja dan pengurangan pendapatan. Bagi mengurangkan kesan ini, kerajaan memperkenalkan bantuan tunai (BPN, BPR, BKC), moratorium pinjaman, subsidi upah, program bakul makanan, diskaun utiliti dan pelepasan cukai. Paling penting bagi kajian ini, kerajaan membenarkan pengeluaran awal simpanan KWSP melalui i-Lestari, i-Sinar, i-Citra dan Pengeluaran Khas, yang membawa kepada jumlah pengeluaran RM145.5 bilion antara 2020 hingga 2022 (BERNAMA, 2022; Mohd Arshad & Md Nor, 2023).

Negara lain turut mengambil langkah serupa. Chile meluluskan tiga pusingan pengeluaran yang sebelumnya tidak dibenarkan, melebihi US\$50 bilion (Jo López & Rosas, 2022). Australia, Peru, Mexico, Kosovo dan Amerika Syarikat (AS) juga membenarkan pengeluaran awal sementara, termasuk penghapusan penalti 10% untuk pengeluaran awal di AS pada tahun 2020 (Derby et al., 2024; Bateman et al., 2023).

Walaupun langkah ini memberi kelegaan jangka pendek, kebimbangan timbul terhadap kecukupan simpanan persaraan jangka panjang. Di Malaysia, 3.2 juta ahli berumur bawah 55 tahun kini mempunyai kurang daripada RM1,000 dalam simpanan (Mohd Shahar Abdullah, 2022). Keputusan kerajaan membenarkan pengeluaran awal turut menormalkan penggunaan simpanan persaraan sebagai langkah krisis (Bateman et al., 2023), sekali gus menimbulkan persoalan tentang keselamatan kewangan masa depan dan kelestarian KWSP sebagai institusi persaraan.

Kelebihan dan Kelemahan Pengeluaran KWSP semasa Pandemik COVID-19

Pengeluaran awal wang simpanan persaraan semasa pandemik atau krisis telah terbukti memberi faedah dan kelebihan kepada individu dalam jangka pendek. Pengeluaran tersebut bukan setakat menyediakan aliran tunai segera, malahan menghalang individu daripada menanggung hutang baharu, dan membantu isi rumah menampung keperluan penting semasa krisis (Lim et al., 2021; Jusoh @ Hussain et al., 2020). Walau bagaimanapun, faedah ini turut diiringi dengan risiko. Pengeluaran awal wang simpanan persaraan mengurangkan baki persaraan keseluruhan, mengehadkan pulangan pelaburan masa depan, dan meningkatkan risiko kemiskinan hari tua (Jeszeck et al., 2019; Razi, 2021).

a. Kesan Pengeluaran KWSP Semasa COVID-19

Kesan daripada pengeluaran semasa pandemik telah mulai nampak di Malaysia. Data KWSP menunjukkan bahawa berikutan pengeluaran khas COVID-19, lebih 6.1 juta ahli mempunyai kurang daripada RM10,000 dalam akaun mereka, manakala 3.6 juta mempunyai kurang daripada RM1,000 sehingga menempatkan mereka pada risiko serius ketidakpastian kewangan semasa bersara (Razi, 2021).

Beberapa kerangka teori menyediakan lensa yang berguna untuk memahami tingkah laku ini. Teori Kitaran Hayat mencadangkan bahawa individu merancang simpanan dan pengeluaran untuk melancarkan penggunaan sepanjang hayat mereka (Ando & Modigliani, 1963). Walau bagaimanapun, krisis yang tidak dijangka seperti pandemik mengganggu perancangan ini, sehingga memaksa pelarasan tingkah laku, termasuk melakukan pengeluaran awal wang simpanan persaraan (Onwuka, 2021). Teori Tingkah Laku Terancang menawarkan pandangan lebih mendalam, menunjukkan bagaimana sikap, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan boleh membentuk keputusan pengeluaran awal wang simpanan persaraan (Ajzen, 1991). Realitinya, tekanan emosi, jangkaan sosial dan kewajipan budaya sering diutamakan berbanding perancangan kewangan jangka panjang yang rasional (Bateman et al., 2023; Shariff & Isah, 2019).

Oleh itu, sorotan kajian lepas membuktikan bahawa pengeluaran awal berfungsi sebagai mekanisme jangka pendek yang penting untuk menghadapi krisis, namun ia mewujudkan risiko jangka panjang terhadap kecukupan persaraan (Feher & de Bidegain, 2020; Jackson & Inglis, 2021). Walaupun kajian global dan Malaysia telah meneliti pamacu pengeluaran dari segi ekonomi, demografi, dan dasar, masih terdapat jurang dalam memahami bagaimana tekanan

ekonomi, ketegangan psikologi, pengaruh sosial, dan kewajiban budaya berinteraksi dalam membentuk keputusan ini dalam sektor tertentu. Kajian ini menangani jurang tersebut dengan meneliti pengalaman sebenar pekerja hospitaliti di Kuching, Sarawak, semasa pandemik COVID-19. Namun, kebanyakan kajian ini berfokus pada faktor ekonomi dan demografi, sedangkan peranan pengaruh sosial, emosi, dan budaya masih kurang diteliti.

METODOLOGI

Kajian ini berlandaskan paradigma konstruktivis dengan ontologi relativis yang melihat realiti sebagai subjektif, pelbagai, dan dibentuk oleh pengalaman individu (Lincoln, Lynham, & Guba, 2011). Dalam konteks pengeluaran awal KWSP, keputusan kewangan difahami bukan semata-mata pembuatan kewangan yang rasional tetapi dipengaruhi oleh faktor budaya, emosi, dan situasi. Epistemologi interpretivis menempatkan pengetahuan sebagai sesuatu yang terbina melalui interaksi penyelidik dan peserta (Creswell, 2007), manakala pendekatan konstruktivis menekankan proses penciptaan makna dengan mengakui bahawa tingkah laku terbentuk secara sosial dan tafsiran turut dipengaruhi oleh perspektif penyelidik (Charmaz, 2006).

Maka, kajian berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes pelbagai digunakan bagi membolehkan kajian mendalam terhadap proses membuat keputusan yang kompleks dan tidak dapat diukur secara kuantitatif (Creswell, 2009). Dua buah hotel yang bertaraf antarabangsa dan tempatan telah dipilih untuk merungkai kepelbagaian perspektif dalam sektor hospitaliti yang terkesan teruk disebabkan oleh pemotongan gaji, pemberhentian kerja, dan penutupan semasa pandemik COVID-19 (BERNAMA, 2020; Karim et al., 2020). Pemilihan Sarawak juga mengisi jurang geografi dalam penyelidikan simpanan persaraan yang kebanyakannya tertumpu di Semenanjung Malaysia (Kimiyaahgalam et al., 2019).

Pensampelan bertujuan digunakan bagi memilih 21 orang pekerja hotel (10 dari Hotel Huntington, 11 dari Hotel Wellington) serta seorang pakar akademik berkaitan dengan simpanan persaraan di Malaysia, yang mana semua pekerja hotel mempunyai pengalaman langsung dengan skim i-Lestari, i-Sinar, i-Citra atau pengeluaran khas. Kepelbagaian dari segi umur, jantina, etnik, status perkahwinan, tanggungan, pendidikan, pendapatan, dan tempoh perkhidmatan dipertimbangkan untuk memberi kepelbagaian perspektif (Palinkas et al., 2015). Saiz sampel akhir ditentukan melalui titik ketepuan tema yang mana semua peserta kajian telah menyatakan perkara yang sama dan hasil temubual telah menjadi tepu (Guest et al., 2006). Pemilihan peserta mengambil kira kepelbagaian dari segi umur, jantina, etnik, tahap pendidikan, pendapatan, status perkahwinan, dan tempoh perkhidmatan bagi memastikan variasi perspektif. Profil demografi peserta ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Profil Demografi Peserta Kajian (N=21)

Ciri Peserta	Kategori	n	%
Hotel	Huntington	10	47.6
	Wellington	11	52.4
Umur	< 30 tahun	3	14.3
	30–39 tahun	9	42.9
	40–49 tahun	7	33.3
	≥ 50 tahun	2	9.5
Jantina	Perempuan	11	52.4
	Lelaki	10	47.6
Etnik	Iban	9	42.9

	Bidayuh	7	33.3
	Melayu	4	19.1
	Cina	1	4.8
Status Perkahwinan	Bujang dengan tanggungan	9	42.9
	Berkahwin dengan tanggungan	11	52.4
	Lain-lain	1	4.8
Tahap Pendidikan	SPM	7	33.3
	Diploma	3	14.3
	Ijazah	7	33.3
	Lain-lain (PMR, sijil, Std. 6)	4	19.1
Julat Pendapatan	RM1500–2500	15	71.4
	≥ RM2500	6	28.6
Tempoh Perkhidmatan	< 5 tahun	11	52.4
	5–10 tahun	6	28.6
	≥ 10 tahun	4	19.0
Tempoh Caruman KWSP	< 10 tahun	7	33.3
	10–20 tahun	6	28.6
	> 20 tahun	8	38.1
Status Semasa Pandemik	Jam kerja berkurang / pendapatan menurun	20	95.2
	Menganggur	1	4.8

Jadual 1 menunjukkan profil demografi peserta kajian. Sebahagian besar peserta terdiri daripada pekerja Hotel Wellington (52.4%) dan selebihnya dari Hotel Huntington (47.6%). Dari segi umur, majoriti berada dalam lingkungan 30–39 tahun (42.9%), manakala 33.3% berumur 40–49 tahun. Peserta lelaki dan perempuan hampir seimbang (47.6% dan 52.4%). Dari segi etnik, kumpulan terbesar ialah Iban (42.9%) diikuti oleh Bidayuh (33.3%) dan Melayu (19.1%). Lebih separuh daripada peserta (52.4%) adalah berstatus berkahwin dengan tanggungan, dan majoriti berpendapatan antara RM1500–RM2500 (71.4%). Sebilangan besar peserta juga mengalami pengurangan jam kerja dan pendapatan semasa pandemik COVID-19.

Data dikumpul antara Jun hingga November 2023 melalui temu bual separa berstruktur selama 45–90 minit, dijalankan secara bersemuka dan dalam talian. Kebenaran rasmi diperoleh daripada pihak pengurusan hotel, dan peserta memberikan persetujuan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA 2010). Temu bual dirakam secara audio, ditranskrip secara verbatim, dan diterjemah antara Bahasa Sarawak, Bahasa Melayu, dan Inggeris jika diperlukan. Panduan temu bual disusun berasaskan soalan kajian, disemak oleh pakar dalam bidang simpanan persaraan, dan diuji melalui temu bual rintis (McGrath, Palmgren & Liljedahl, 2018).

Analisis data menggabungkan analisis naratif dan analisis tematik. Analisis naratif menelusuri perjalanan pembuatan keputusan dalam kalangan peserta kajian, termasuk emosi, kewajiban budaya, dan pengalaman peribadi, manakala analisis tematik berasaskan model enam fasa Braun dan Clarke (2006) mengenal pasti corak rentas kes seperti tingkah laku berjaga-jaga, tekanan kewangan, tekanan emosi, dan strategi penyesuaian diri terhadap situasi. Pengkodan manual (Saldaña, 2021) menghasilkan kod terbuka (cth. panik, tekanan keluarga, penyesalan) yang digabungkan ke dalam tema lebih luas berasaskan Teori Kitaran Hidup dan Teori Tingkah Laku Terancang. Memo refleksif digunakan bagi mendokumentasi kedudukan penyelidik dan pengaruh tafsiran, manakala analisis dokumen (pengumuman kerajaan, laporan KWSP) menambah konteks dan triangulasi (Ravitch & Carl, 2016).

Kepercayaan dan kesahan ditingkatkan melalui triangulasi peserta dan sumber data,

analisis berulang, jurnal refleksif, serta semakan rakan sebaya untuk mengukuhkan kebolehpercayaan dan kesahan (Bans-Akutey & Tiimub, 2021). Langkah-langkah etika merangkumi penyertaan secara sukarela, hak untuk menarik diri, penggunaan pseudonim, kerahsiaan yang ketat, serta pelaksanaan temu bual yang peka budaya bagi meminimumkan tekanan emosi (Qu & Dumay, 2011). Temu bual dijalankan dengan empati, kepekaan budaya, dan rasa hormat kepada peserta kajian bagi mengurangkan risiko tekanan emosi (Mohd Arifin, 2018). Kajian ini mendapat kelulusan daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, dan penghargaan dalam bentuk saguhati diberikan kepada peserta. Walaupun reka bentuk kualitatif kajian kes memberi kefahaman mendalam, ia tidak membenarkan generalisasi kepada semua sektor atau lokasi.

DAPATAN KAJIAN

Konteks Kajian dan Situasi Pekerja Hotel Semasa Pandemik

Bahagian ini membincangkan hasil kajian daripada dua kajian kes pekerja hotel iaitu Hotel Huntington dan Hotel Wellington di Kuching, Sarawak mengenai pengalaman mereka dengan pengeluaran awal dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semasa pandemik COVID-19. Kedua-dua hotel menghadapi gangguan operasi yang teruk, pengurangan gaji dan palarasan tenaga kerja, yang secara langsung membentuk keputusan kewangan dan tingkah laku pengeluaran pekerja. Pandemik COVID-19 telah mengganggu operasi sektor hospitaliti dengan teruk kerana sekatan ke atas perjalanan sehingga menyebabkan kekurangan pendapatan dalam sektor pelancongan. Sebagai tindak balas, kedua-dua Hotel Huntington dan Wellington melaksanakan pemotongan gaji, mengurangkan waktu kerja dan menguatkuasakan cuti tanpa gaji. Namun begitu, beberapa hotel telah dijadikan sebagai pusat kuarantin pesakit atau orang yang terdedah kepada COVID-19. Langkah-langkah ini meletakkan pekerja di bawah tekanan kewangan yang teruk, menjadikan pengeluaran KWSP sebagai mekanisme kelangsungan hidup yang penting. Jadual 2 berikut mengilustrasikan profil informan.

Jadual 2: Profil Informan

Kod	Nama Samaran	Jantina	Umur	Jawatan / Peranan	Status Pekerjaan	Tarikh Temu Bual	Tempat Bertugas
H1	Paula	Perempuan	51	<i>F&B Service</i>	Sepenuh masa	5 Jun 2023	Hotel Huntington
H2	Shah	Lelaki	32	<i>Sous Chef</i>	Sepenuh masa	5 Jun 2023	Hotel Huntington
H3	Elia	Perempuan	40-an	<i>Front Office</i>	Sepenuh masa	5 Jun 2023	Hotel Huntington
H4	Roy	Lelaki	32	<i>Duty Manager</i>	Sepenuh masa	5 Jun 2023	Hotel Huntington
H5	Paul	Lelaki	51	<i>Front Office Assistant Manager</i>	Cuti tanpa gaji	29 Mei 2023	Hotel Huntington

H6	Zana	Perempuan	33	<i>Sales Officer (Government Accounts)</i>	Sepenuh masa	20 Mei 2023	Hotel Huntington
H7	Nam Gil	Lelaki	30	<i>Chef</i>	Sepenuh masa	5 Mei 2023	Hotel Huntington
H8	Kevin	Lelaki	30-an	Operasi Hotel	Sepenuh masa	Jun 2023	Hotel Huntington
H9	Arnold	Lelaki	40-an	Operasi Hotel	Sepenuh masa	Jun 2023	Hotel Huntington
W1	Nawi	Perempuan	49	<i>Supervisor Steward</i>	Sepenuh masa	1 Julai 2023	Hotel Wellington
W2	Ros	Perempuan	44	<i>Housekeeping</i>	Sepenuh masa	1 Julai 2023	Hotel Wellington
W3	Sheila	Perempuan	44	<i>Housekeeping</i>	Sepenuh masa	1 Julai 2023	Hotel Wellington
W4	Wie	Perempuan	42	<i>Demi Chef</i>	Sepenuh masa	1 Julai 2023	Hotel Wellington
W5	Ali	Lelaki	40-an	Operasi Hotel	Sepenuh masa	Julai 2023	Hotel Wellington

Tekanan Ekonomi sebagai Pendorong Utama Pengeluaran

Tekanan ekonomi adalah faktor dominan yang mendorong pengeluaran awal wang simpanan persaraan dalam kalangan peserta kajian ini. Pemotongan gaji, cuti tanpa gaji dan ketidakjaminan pekerjaan telah mendorong pekerja untuk melihat simpanan KWSP sebagai aset cair yang boleh digunakan bagi menjamin kesinambungan hidup mereka. Pemotongan gaji, cuti tanpa gaji dan ketidakjaminan pekerjaan menyebabkan pekerja menjadikan simpanan KWSP sebagai aset cair untuk kesinambungan hidup. Kenaikan kos sara hidup semasa pandemik meningkatkan lagi tekanan, terutamanya bagi pekerja berpendapatan rendah dan sederhana yang bergelut dengan perbelanjaan harian, pembayaran balik pinjaman dan bil perubatan. Ramai peserta menekankan bahawa tanpa mengakses simpanan mereka, keperluan harian tidak dapat ditampung.

“Waktu ya, kamek orang nang banyak la benda yang tergendala macam motor, rumah, macam pande sik cukup bah duit. Gaji dah kenak potong. Jadi, sik cukup lah duit nampung perbelanjaan hari-hari.”

(Pada waktu itu, banyak perkara yang tergendala seperti bayaran kereta dan rumah kerana wang dirasakan tidak mencukupi. Gaji telah dipotong, jadi wang memang tidak cukup untuk menampung perbelanjaan harian). (Nawi, Hotel Wellington)

“Betul betul nang sik ada gaji lah. Nak harapkan sidak PERKESO pun sik dapat. Sekali 2 jak ya pun 600... untuk family di kampung... keperluan

dapur.”

(Memang langsung tidak ada gaji. Hendak bergantung kepada PERKESO pun tidak dapat. Bantuan yang diterima hanya sekali dua berjumlah RM600... itu pula digunakan untuk keluarga di kampung... untuk keperluan dapur.) (Paula, Hotel Huntington)

Keadaan ini menunjukkan bagaimana KWSP menjadi alat kelangsungan hidup bagi pekerja dalam sektor hospitaliti, terutamanya setelah berhadapan dengan keadaan cuti tanpa gaji dan pemotongan gaji serta peningkatan mendadak dalam kos sara hidup.

Pengaruh Polisi Kerajaan terhadap Keputusan Pengeluaran

Polisi kerajaan yang membenarkan pengeluaran wang simpanan persaraan yang berkaitan dengan pandemik sangat mempengaruhi keputusan pengeluaran dalam kalangan peserta kajian ini. Walaupun peserta kajian mengalu-alukan inisiatif seperti i-Lestari, i-Sinar, i-Citra, dan pengeluaran khas, ada yang menyatakan kebimbangan mengenai kemampuan langkah tersebut dan kemungkinan yang membawa kepada lanjutan umur persaraan.

“Kamek nangka peluang yang ada lah... government advertise... so kamek applylah...”

(Saya mengambil peluang yang ada... kerajaan mengiklankan permohonan tersebut... jadi saya pun memohon...)(Shah, Hotel Huntington)

“Mcm kinek tok kan berdolak dalih jak government mok berik sik maok berik nak... enforce 65 years old... mana yang larat la.”
(Seolah-olah pada masa kini kerajaan berdolak-dalih sama ada mahu memberi atau tidak... kerajaan mahu menguatkuasakan umur persaraan 65 tahun... tetapi persoalannya, siapa yang mampu bertahan sehingga umur itu.) (Elia, Hotel Huntington)

Faktor Peribadi: Literasi Kewangan, Motif Berjaga-jaga dan Pengaruh Sosial

Tahap literasi kewangan juga berbeza-beza dalam kalangan peserta kajian. Literasi kewangan membawa maksud keupayaan memahami konsep dan risiko kewangan serta menggunakan pengetahuan, kemahiran dan sikap tersebut untuk membuat keputusan kewangan yang bijak demi meningkatkan kesejahteraan individu dan masyarakat (OECD, 2022). Dalam konteks kajian ini, perbezaan tahap literasi kewangan mempengaruhi cara peserta menilai peranan KWSP dan kegunaannya semasa pandemik. Seseengah pekerja menganggap KWSP hanya sebagai skim simpanan persaraan dan melihat dana tersebut sebagai simpanan jangka panjang yang tidak sepatutnya digunakan kecuali selepas bersara. Manakala yang lain menganggapnya sebagai jaringan keselamatan yang fleksibel semasa kecemasan, menyebabkan mereka lebih bersedia untuk mengakses simpanan tersebut apabila berdepan ketidakstabilan pendapatan.

Motif berjaga-jaga juga jelas, kerana informan kajian mengeluarkan dana dengan menjangkakan pemberhentian kerja atau ketidakjaminan dalam pekerjaan semasa pandemik. Faktor ini menjadikan pengeluaran awal KWSP sebagai langkah pencegahan bagi mengurangkan risiko masa depan, terutamanya apabila mereka melihat keadaan ekonomi yang tidak menentu dan kemungkinan hilang kerja pada bila-bila masa. Pengaruh sosial, terutamanya nasihat daripada rakan sebaya dan jangkaan daripada keluarga, memperkukuhkan lagi keputusan pengeluaran awal dana KSWP. Dalam beberapa kes, keputusan individu dipengaruhi

oleh persekitaran sosial yang normalisasi tindakan pengeluaran tersebut, terutamanya apabila rakan sekerja atau ahli keluarga juga melakukan tindakan sama.

Kewajipan keluarga, seperti menyara anak atau ibu bapa yang lebih tua, sering disebut sebagai faktor yang mempengaruhi keputusan melakukan pengeluaran semasa pandemik. Tanggungjawab kewangan tambahan ini menambahkan lagi tekanan kepada peserta untuk mengakses simpanan mereka. Majoriti informan kajian ini melihat KWSP sebagai jaminan persaraan dan juga sebagai alat kelangsungan hidup semasa kecemasan, menjadikan dana tersebut berfungsi dua peranan: sebagai perlindungan masa depan dan sebagai penyelamat kewangan jangka pendek dalam situasi kecemasan seperti pandemik COVID-19.

Hal ini menunjukkan keperluan untuk meningkatkan tahap literasi kewangan bagi membantu individu mengenal pasti keperluan jangka pendek dan matlamat kewangan jangka panjang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan dalam kalangan informan kajian adalah tidak sekata, kerana walaupun mereka memahami peranan KWSP sebagai skim simpanan persaraan, terdapat perbezaan dalam cara mereka mentafsir dan menggunakan dana tersebut semasa pandemik. Sebahagian informan menganggap KWSP semata-mata sebagai simpanan jangka panjang untuk persaraan, manakala sebahagian lagi melihatnya sebagai jaringan keselamatan fleksibel yang boleh digunakan pada bila-bila masa dalam situasi kecemasan. Perbezaan pemahaman ini menggambarkan jurang dalam pengetahuan kewangan asas, terutamanya berkaitan risiko pengeluaran awal dan kesannya terhadap jaminan persaraan.

Tambahan pula, keputusan informan untuk membuat pengeluaran awal lebih banyak dipengaruhi oleh tekanan ekonomi, nasihat rakan sebaya, dan tuntutan keluarga berbanding pertimbangan kewangan jangka panjang. Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun informan mengetahui kewujudan KWSP dan memahami fungsi asasnya, mereka tidak mengaplikasikan pengetahuan kewangan secara menyeluruh ketika membuat keputusan. Oleh itu, walaupun informan dalam kajian ini memahami peranan KWSP secara umum, tekanan ekonomi dan kewangan telah mempengaruhi mereka untuk membuat pengeluaran awal KWSP tanpa menilai sepenuhnya implikasi jangka panjang terhadap simpanan persaraan mereka.

Justeru, pendidikan kewangan yang lebih berkesan perlu diperkenalkan bagi membantu individu membuat keputusan yang lebih bijak mengenai simpanan KWSP mereka supaya mereka dapat menilai kebaikan dan keburukan pengeluaran awal dengan lebih teliti. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan peserta mempengaruhi cara mereka mentafsir fungsi KWSP dan membuat keputusan kewangan semasa krisis.

Kebanyakan informan tidak mendapatkan nasihat daripada institusi kewangan atau pakar kewangan sebelum membuat keputusan untuk melakukan pengeluaran KWSP semasa pandemik, dan dapatan ini merupakan salah satu penemuan yang membimbangkan. Sebaliknya, mereka bergantung pada pertimbangan sendiri atau perbualan kasual dengan ahli keluarga. Tingkah laku ini mencerminkan tahap literasi kewangan yang rendah, khususnya dalam aspek mencari sumber nasihat kewangan yang sah sebelum membuat keputusan penting berkaitan simpanan jangka panjang. Ali berkongsi pengalamannya:

“Selalu kita dengar berita, sidak wartawan mudah untuk demi kelangsungan hidup lah. Untuk cover kita pun bajet. Kalau mun income kita macam, orang yang besar-besar income, 5 thousand, 6 thousand a month, ya sik kesah gilak, sik berasa bah, tapi mun macam yang golongan yang gaji minimum memang terasa.”

(Kita selalu mendengar dalam berita apabila wartawan menyebut bahawa pengeluaran dilakukan demi kelangsungan hidup. Ia membantu menampung bajet kita juga. Jika pendapatan seseorang tinggi, seperti lima atau enam ribu sebulan, mereka mungkin tidak terasa kesannya. Tetapi bagi golongan berpendapatan minimum, kesannya memang sangat dirasakan.)

Begitu juga Wie yang mengakui tidak mendapatkan nasihat kewangan sebelum membuat pengeluaran.

“Memang sik ada. Sebab kamek ingat jangka masa pandemik tok lamak, and anak kamek pun maok pake telefon semua, belajar time ya, tiga-tiga, paksa aku belilah.”

(Memang tidak ada wang. Saya ingat tempoh pandemik ini akan berlarutan, dan anak-anak saya pula perlu menggunakan telefon untuk belajar ketika itu, ketiga-tiganya. Jadi saya terpaksa membelinya.)

Situasi ini menunjukkan bahawa peserta yang mempunyai pengetahuan kewangan yang terhad cenderung membuat keputusan segera tanpa mempertimbangkan kesan jangka panjang kepada simpanan persaraan mereka. Tambahan pula, ramai peserta tidak menilai kesan seperti kehilangan dividen masa hadapan atau kekurangan dana persaraan, yang sekali lagi menggambarkan jurang dalam literasi kewangan mereka. Keputusan-keputusan ini lebih bersifat reaktif dan bersandarkan keperluan mendesak, bukannya berdasarkan prinsip perancangan kewangan.

Walau bagaimanapun, kebanyakan peserta menunjukkan pemahaman asas tentang tujuan utama KWSP sebagai dana simpanan persaraan. Ada kalangan informan yang menekankan kepentingan KWSP sebagai simpanan hari tua, terutamanya bagi pekerja sektor swasta. Ini menunjukkan bahawa informan mempunyai pengetahuan asas, tetapi pemahaman asas ini tidak semestinya diterjemahkan kepada keupayaan membuat keputusan kewangan jangka panjang menjadi satu indikator penting dalam literasi kewangan yang lebih mendalam.

Sebahagian informan pula melihat KWSP sebagai jaringan keselamatan semasa kecemasan apabila dilihat sebagai “pelampung kecemasan” yang bukan sahaja untuk persaraan tetapi juga dalam situasi mendesak. Persepsi ini menunjukkan literasi kewangan berfungsi yang lebih tertumpu kepada keperluan jangka pendek, berbanding pemahaman mendalam tentang kesan jangka panjang terhadap kecukupan dana persaraan. Ini dikongsikan oleh Elia sebagaimana berikut.

“Masa ya neyda kita expect covid ya macam tok. Efek bah. Because this is the first time we jadi macam tok nak. so kita every month sik tauk next month ya apa, sik tauk bah.” (Pada masa tersebut, kita tidak jangka COVID akan jadi seperti apa yang telah kita lalui. Disebabkan pertama kali, kita menjadi seperti ini. Setiap bulan kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada bulan berikutnya.)
(Elia, 29 Mei 2023)

Pandangan yang hampir sama turut dikongsi oleh Paul, yang melihat pengeluaran KWSP sebagai satu keperluan untuk kesinambungan hidup semasa tempoh ketidakpastian pekerjaan.

“Bila cuti tanpa gaji, sikda pilihan lain. KWSP jak yang boleh tampung keluarga masa ya.” (Bila kita cuti tanpa gaji, hanya KWSP yang boleh menampung keluarga pada masa tersebut). (Paul, 29 Mei 2023)

Elia pula menekankan fungsi KWSP sebagai mekanisme kecemasan dalam keadaan mendesak dan ketidakpastian dasar kerajaan. Elia berpendapat sebagaimana berikut,

“KWSP ya bukan lagi pasal hari tua jak. Masa pandemik, ya jadi duit kecemasan. Mun sik keluar, sik tauk macam mana nak hidup.” (KWSP bukan lagi mengenai hari tua sahaja. Semasa pandemic, ia menjadi duit kecemasan. Kalau tidak dikeluarkan, tidak tahu macam mana nak hidup).
(Elia, 5 Jun 2023)

Persepsi ini menunjukkan literasi kewangan yang lebih bersifat fungsional dan tertumpu kepada keperluan jangka pendek, berbanding pemahaman mendalam tentang kesan jangka panjang terhadap kecukupan dana persaraan.

Sebaliknya, informan seperti Shah menunjukkan pemahaman yang lebih kukuh terhadap fungsi KWSP sebagai instrumen perancangan kewangan jangka panjang. Shah, misalnya, menegaskan bahawa walaupun pengeluaran membantu dalam jangka pendek, implikasi masa depan perlu dipertimbangkan.

“Kamek rasa mun ada peluang tok lagik, kamek mungkin sik ngeuarkan mun ekonomi dengan gaji kamek stabil sebab untuk bidang swasta sikda pencen, EPF ya saving untuk hari tidak bekerja agik lah.”. (Saya rasa, kalau ada lagi peluang pengeluaran, saya mungkin tidak akan membuat pengeluaran lagi kalau ekonomi dan gaji saya sudah stabil kerana untuk pekerja di bidang swasta yang tidak ada pencen, KWSP merupakan simpanan untuk hari bila kita tidak lagi bekerja) (Shah, 5 Jun 2023)

Pandangan hibrid turut dikenal pasti dalam kalangan informan seperti Paula, yang melihat KWSP sebagai dana persaraan dan juga dana kecemasan.

“Tujuan EPF tok bagus memang bagus la. Macam orang yang betul-betul memerlukanlah macam masa pandemic memang perlu gilaklah. Bagus juak sikda ya ngeluar time macam ya tapi mun sik perlu gilak, macam sik, I mean dapat di nokya sik perlu la. Bagus la untuk hari tua lah..” (Tujuan KWSP ini memang baik. Ia sangat diperlukan terutamanya oleh mereka yang benar-benar memerlukan, seperti semasa pandemik dahulu apabila ia menjadi sangat penting. Adalah baik sekiranya pengeluaran tidak dibuat pada waktu seperti itu, namun jika seseorang benar-benar tidak memerlukan, maka pengeluaran tersebut sebenarnya tidak perlu dilakukan. Pada asasnya, KWSP adalah simpanan untuk hari tua.)
(Paula, 5 Jun 2023)

Gabungan pandangan ini menunjukkan bahawa walaupun peserta memahami fungsi asas KWSP, perbezaan cara mereka menggunakan dan mentafsir maklumat tersebut mencerminkan variasi tahap literasi kewangan dalam kalangan pekerja hospitaliti semasa pandemik COVID-19.

Perbezaan pandangan ini memperlihatkan tahap literasi kewangan yang tidak seragam. Ada informan yang mempunyai pemahaman lebih tinggi yang memperlihatkan KWSP sebagai komponen penting dalam perancangan kewangan jangka panjang. Ini menunjukkan kewujudan tahap literasi yang lebih baik dalam kalangan informan tertentu. Sebaliknya, ada pula kalangan informan yang menekankan kepentingan menggunakan sepenuhnya KWSP semasa pandemik

yang menunjukkan corak pemikiran yang lebih praktikal dan bergantung kepada keperluan segera. Walaupun informan memahami tujuan KWSP, keutamaan mereka tetap tertumpu pada kelangsungan hidup jangka pendek, sekali gus mencerminkan kekurangan kemahiran pengurusan kewangan jangka panjang.

Informan melihat KWSP sebagai dana persaraan dan juga dana kecemasan. Walaupun persepsi ini menunjukkan bahawa informan memahami fungsi asas KWSP, perbezaan cara mereka menggunakan maklumat tersebut menggambarkan tahap literasi kewangan yang berbeza. Bagi sesetengah informan, pandangan ini menunjukkan kemampuan merancang masa depan, manakala bagi pandangan lain, ia menggambarkan pergantungan kepada KWSP kerana kekurangan simpanan lain membuktikan satu lagi tanda literasi kewangan yang terhad.

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa walaupun informan memahami peranan umum KWSP, ramai yang masih kekurangan kemahiran literasi kewangan yang lebih mendalam seperti menilai risiko jangka panjang, mencari nasihat profesional, atau mengurus simpanan alternatif. Tekanan ekonomi dan kewangan semasa pandemik mempengaruhi mereka membuat pengeluaran awal, tetapi cara keputusan itu dibuat melalui pertimbangan sendiri, nasihat rakan atau keluarga, dan keutamaan keperluan segera dan memperlihatkan jurang literasi kewangan yang signifikan dalam kalangan informan.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan pendidikan kewangan agar individu dapat membuat keputusan yang lebih tepat mengenai simpanan KWSP mereka, termasuk kemampuan menilai implikasi jangka pendek dan jangka panjang sebelum melakukan pengeluaran awal.

Kesan Jangka Pendek dan Jangka Panjang Pengeluaran

Pengeluaran KWSP dalam jangka pendek telah memberikan kelegaan yang penting kepada kesinambungan hidup para informan. Mereka menggunakan dana untuk mengekalkan penggunaan, menampung perbelanjaan untuk makanan, sewa, utiliti, pinjaman dan juga penjagaan kesihatan. Mereka juga secara konsisten melaporkan bahawa tanpa pengeluaran, mereka tidak akan dapat bertahan dengan pemotongan gaji atau cuti tanpa gaji.

Namun dalam jangka panjang, para informan mengakui kesan pengeluaran yang ketara. Mereka yang hampir bersara melahirkan rasa kesal kerana hanya mempunyai masa yang terhad untuk membina semula dana yang telah digunakan, manakala pekerja yang lebih muda dan dalam pertengahan kerjaya mengimbangi keperluan dengan kesedaran tentang risiko masa depan. Selain itu, wujud juga kesan psikologi dan sosial kepada informan kajian. Pengeluaran yang dilakukan boleh menghilangkan kegusaran berkaitan dengan kewangan buat sementara waktu tetapi akhirnya membawa kepada tekanan dan penyesalan tentang jaminan persaraan yang telah berkurangan. Informan kajian juga menggambarkan konflik dalaman antara menangani keperluan segera dan jaminan kesejahteraan masa depan. Tanggungjawab sosial mengukuhkan keputusan ini, kerana pengeluaran sering dikaitkan dengan menampung tanggungan seperti anak-anak, ibu bapa dan ahli keluarga dan rakan yang memerlukan.

Penemuan ini selari dengan Teori Kitaran Hayat (LCT) kerana keutamaan adalah berbeza-beza merentasi peringkat kehidupan. Informan awal kerjaya memfokuskan kelangsungan hidup serta-merta, informan pertengahan kerjaya mengimbangi keperluan semasa dan masa depan, manakala informan menghampiri persaraan merasakan penyesalan paling besar. Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) turut menjelaskan tingkah laku pengeluaran melalui sikap, norma sosial dan kawalan tingkah laku yang dirasakan.

“Takut kamek jadi kedak mak kamek... sik cukup... imagine tinggal 20 ribu, 50 ribu jak... 10 years akan datang.” (*Saya takut menjadi seperti ibu saya... wang simpanannya tidak mencukupi... bayangkan jika hanya tinggal RM20 ribu atau RM50 ribu sahaja... bagaimana pula dalam 10 tahun akan datang.*) (Zana, Hotel Huntington)

“Actually, I regret... dividend smaller... you have to replace back the money you withdraw.”
(*Sebenarnya, saya menyesal... dividen yang diterima menjadi lebih kecil... dan kita perlu menggantikan semula wang yang telah dikeluarkan.*) (Roy, Hotel Huntington)

Cadangan Strategi daripada Perspektif Informan

Beberapa strategi telah dicadangkan berdasarkan hasil temubual bersama informan kajian untuk meningkatkan peranan KWSP dalam menjaga keselamatan persaraan. Yang pertama adalah untuk meningkatkan lagi tahap literasi kewangan dalam kalangan pekerja di Malaysia dengan memberi kesedaran tentang kesan jangka panjang pengeluaran. Yang kedua adalah dengan memberikan insentif caruman iaitu dengan memperkenalkan skim padanan majikan atau faedah cukai untuk menggalakkan simpanan. Ketiga adalah melanjutkan penyertaan tenaga kerja lanjutan dengan meningkatkan umur persaraan dan pada masa yang sama menyediakan peluang kemahiran semula dan peningkatan kemahiran untuk membantu pekerja menggantikan atau menambah dana simpanan persaraan yang telah banyak digunakan. Yang keempat adalah jaringan perlindungan sosial yang lebih luas, termasuk perlindungan kepada pekerja gig dan tidak formal melalui caruman mandatori atau progresif.

Pengalaman Kedua-dua Hotel

Pengalaman peserta kajian dari Hotel Huntington dan Wellington menunjukkan bagaimana pengeluaran awal KWSP berfungsi sebagai alat kelangsungan hidup semasa krisis COVID-19 tetapi pada masa yang sama mendedahkan kelemahan jangka panjang dalam sistem jaminan persaraan. Hasil kajian ini memperkukuhkan lagi ketidakseimbangan antara kelangsungan hidup jangka pendek dan perancangan persaraan yang mampan. Campur tangan polisi yang memfokuskan kepada tahap literasi kewangan, mekanisme caruman secara inklusif, lanjutan penyertaan tenaga kerja, dan tahap perlindungan sosial yang lebih kukuh adalah penting untuk memastikan daya tahan sistem KWSP dalam krisis masa depan.

PERBINCANGAN

Perbincangan ini menyepadukan penemuan daripada Hotel Huntington dan Wellington untuk mengkaji dinamik pengeluaran awal Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semasa pandemik COVID-19. Dengan meletakkan pengalaman hidup peserta dalam kerangka kerja teori dan literatur sedia ada, analisis tersebut memperkukuhkan lagi penyelidikan terdahulu dan pandangan baharu khusus untuk sektor hospitaliti di Sarawak.

Kedua-dua hotel telah mengalami gangguan operasi yang teruk akibat pelaksanaan perintah kawalan pergerakan dan sekatan perjalanan, yang membawa kepada pemotongan gaji, cuti tanpa gaji, serta pemberhentian pekerja yang menyebabkan kesusahan kewangan yang serius. Pekerja di Hotel Huntington banyak menumpukan kepada kelangsungan hidup serta-merta, manakala informan kajian di Hotel Wellington juga mencerminkan perasaan risau akan

ketidakjaminan persaraan jangka panjang. Hasil kajian ini mengukuhkan kajian lepas yang mengenal pasti kesan tidak seimbang pandemik terhadap pekerja sektor perkhidmatan (Lim et al., 2021) dan juga kenyataan Razi (2021) yang menyatakan bahawa lebih enam juta ahli KWSP mempunyai simpanan di bawah RM10,000, menggambarkan kelemahan sosioekonomi yang semakin ketara dalam kalangan pekerja hotel.

Kejutan pendapatan turut muncul sebagai punca utama pengeluaran awal dana simpanan persaraan dilakukan, selaras dengan bukti bahawa kehilangan pendapatan secara tiba-tiba adalah faktor dominan di sebalik pengeluaran awal (Alkhawaja & Albait, 2020; Lim et al., 2021). Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendedahkan pengaruh kuat kewajipan sosial dan budaya kerana informan kajian mengeluarkan dana untuk menyara tanggungan dan memenuhi jangkaan keluarga. Perkara ini selari dengan Yee et al. (2009) yang mengaitkan tingkah laku kewangan di Malaysia dengan norma budaya.

Polisi kerajaan yang membenarkan akses kepada simpanan KWSP melalui skim seperti i-Lestari dan i-Sinar, sejajar dengan Bateman et al. (2023), yang menekankan peranan reka bentuk institusi dalam membentuk keputusan persaraan. Gabungan tekanan ekonomi, kewajipan budaya, dan polisi yang membenarkan akses pengeluaran dana KWSP telah mewujudkan perasaan yang kuat untuk melakukan pengeluaran awal, walaupun dalam kalangan pekerja yang pada asalnya melihat KWSP sebagai satu mekanisme simpanan jangka panjang.

Dalam jangka pendek, pengeluaran bertindak sebagai talian hayat untuk menjaga kelangsungan, menampung kos perubatan dan membayar bil dan komitmen sedia ada. Ini menguatkan kenyataan Nurhisham Hussein (2021) bahawa pengeluaran KWSP memberikan kelegaan segera semasa krisis. Namun, peserta juga mengakui kesan jangka panjang, terutamanya mereka yang hampir bersara yang tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk membina semula simpanan. Ini sejajar dengan Lorca (2020), Slavov (2023), Jamaluddin et al. (2021) dan, Feher dan de Bidegain (2020), yang memberi amaran bahawa akses pramatang boleh menjejaskan kecukupan persaraan.

Peserta kajian yang lebih muda mempunyai kurang kekesalan berbanding dengan peserta yang hampir bersara tetapi masih mengakui risiko di masa hadapan, mencerminkan hujah Lusardi dan Mitchell (2023) yang menyatakan bahawa tahap literasi kewangan yang rendah menyumbang kepada pembuatan keputusan jangka pendek. Di kedua-dua hotel, peserta menggambarkan ketegangan dalaman antara memenuhi keperluan semasa dan melindungi keselamatan masa depan sehingga menekankan lagi kesan seperti beban psikologi dalam menangani krisis kewangan dengan jaringan keselamatan yang terhad.

Dapatan ini sejajar dengan Teori Kitaran Hayat (LCT), yang menjelaskan perbezaan tingkah laku pengeluaran berdasarkan peringkat kehidupan. Peserta muda mengutamakan keperluan segera, peserta di pertengahan kerjaya cuba menyeimbangkan keperluan kini dan masa depan, manakala peserta yang hampir bersara menzahirkan penyesalan yang mendalam. Corak ini selaras dengan Skinner (2007), Bateman et al. (2023) dan, Awang et al. (2020) yang menekankan perbezaan generasi dalam tingkah laku persaraan.

Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) turut memberikan penjelasan yang signifikan di mana keputusan pengeluaran pekerja dipengaruhi oleh sikap mereka terhadap KWSP, norma sosial yang dibentuk oleh keluarga dan rakan sebaya, serta persepsi kawalan ketika berdepan ketidakpastian kewangan. Dinamik tingkah laku ini sejajar dengan Goda et al. (2019) yang menegaskan pentingnya faktor psikologi dan sosial dalam pilihan kewangan kerana kehilangan

pekerjaan akibat faktor penawaran dan permintaan semasa COVID-19 telah menjejaskan pekerja dengan serius serta memberi kesan besar terhadap pasaran buruh.

Antara strategi yang dicadangkan informan bagi membina semula serta melindungi simpanan termasuklah peningkatan literasi kewangan, galakan kepada caruman sukarela tambahan, dan sokongan majikan melalui caruman padanan atau insentif lain yang boleh menarik perhatian pekerja. Cadangan ini sejajar dengan perbincangan dalam literatur yang menekankan peri pentingnya pendidikan persaraan dan kecekapan kewangan (Lusardi & Mitchell, 2023).

Hasil kajian turut sejajar dengan cadangan dasar Jiton dan Ibrahim (2024), yang menegaskan pentingnya sistem keselamatan sosial yang lebih kukuh bagi melindungi golongan berpendapatan rendah. Antara keutamaan utama yang dikenal pasti ialah memperluas liputan KWSP kepada pekerja tidak formal dan gig serta memperkukuh dasar perlindungan sosial negara, bagi mengurangkan pergantungan kepada simpanan persaraan sewaktu krisis. Dapatan tersebut menggambarkan ketegangan antara fleksibiliti dan kemampuan dalam dasar simpanan persaraan. Walaupun pengeluaran yang dibenarkan kerajaan mengurangkan kesusahan kewangan serta-merta, ia juga mempercepatkan ketidakjaminan persaraan. Rangka kerja KWSP yang lebih adaptif diperlukan yang boleh memberikan bantuan krisis tanpa menjejaskan kecukupan jangka panjang.

Kes Hotel Huntington dan Wellington menunjukkan bahawa pengeluaran awal KWSP berperanan sebagai alat kelangsungan hidup namun turut membawa implikasi sebagai liabiliti kepada masa depan persaraan. Kajian ini mengesahkan dapatan kajian lepas mengenai risiko dan faedah pengeluaran awal, di samping memperluas perbincangan dengan menonjolkan dimensi budaya, sosial dan psikologi dalam proses membuat keputusan kewangan. Oleh itu, tindak balas dasar yang holistik iaitu berteraskan tahap literasi kewangan yang tinggi, mekanisme sumbangan yang lebih inklusif, lanjutan penyertaan tenaga kerja, serta perlindungan sosial yang kukuh adalah penting bagi mengimbangi keperluan kelangsungan hidup semasa dengan jaminan persaraan masa hadapan.

Sebagai langkah ke hadapan, disarankan agar KWSP membangunkan Pelan Pengurusan Strategik Bencana yang dapat diaktifkan semasa krisis ekonomi atau kesihatan awam pada masa hadapan. Pelan ini perlu berasaskan pengalaman pandemik COVID-19 dengan menekankan aspek daya tahan sistem, keberkesanan komunikasi risiko, dan strategi pemulihan simpanan selepas krisis. Selain itu, penyelidikan masa depan boleh meneliti perbandingan antara sektor seperti perkilangan, peruncitan dan pelancongan, bagi memahami variasi tingkah laku pengeluaran serta kesannya terhadap kesejahteraan sosial dan ekonomi pekerja. Pendekatan longitudinal juga wajar dipertimbangkan untuk menilai impak jangka panjang pengeluaran awal terhadap kestabilan persaraan dan kepercayaan terhadap institusi keselamatan sosial negara.

KESIMPULAN

Pandemik COVID-19 telah mendedahkan keterbatasan dalam rangka kerja perlindungan sosial Malaysia, khususnya peranan dwi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai jaminan persaraan dan alat kelangsungan hidup semasa kecemasan. Walaupun skim khas seperti i-Lestari, i-Sinar, i-Citra dan pengeluaran khas berjaya memberikan kelegaan jangka pendek yang penting, ia juga mewujudkan cabaran terhadap kecukupan persaraan dalam jangka panjang.

Kajian ini mendapati bahawa keputusan pengeluaran awal bukan sahaja dipacu oleh faktor ekonomi, tetapi turut dipengaruhi oleh pengaruh sosial, kewajipan budaya, serta reaksi psikologi seperti ketakutan dan tekanan. Penemuan ini memperkayakan perbincangan teori, khususnya dengan memperluaskan penerapan Teori Kitaran Hayat (LCT) dan Teori Tingkah Laku Terancang (TPB), apabila realiti sosial dan emosi terbukti memainkan peranan penting dalam keputusan kewangan semasa krisis. Dengan mengintegrasikan LCT dan TPB, kajian ini menunjukkan bahawa norma sosial dan emosi boleh mengatasi rasionaliti ekonomi dalam keputusan kewangan, satu dimensi yang jarang ditekankan dalam kajian terdahulu.

Sehubungan itu, hasil kajian ini menunjukkan keperluan untuk penambahbaikan dasar KWSP yang lebih adaptif dan inklusif, agar sistem persaraan mampu menyeimbangkan keperluan kelangsungan hidup segera dengan keselamatan kewangan jangka panjang. Antara cadangan utama termasuklah memperkukuh literasi kewangan, memperkenalkan mekanisme perlindungan bersyarat ketika krisis tanpa menjejaskan simpanan persaraan, serta menyesuaikan komunikasi dasar dengan mengambil kira faktor sosial dan budaya. Selain itu, dapatan kajian ini menambah nilai kepada literatur sedia ada dengan menonjolkan pengalaman pekerja di Sarawak, seterusnya membuka ruang untuk perbandingan dengan konteks Sabah dan wilayah lain di Malaysia Timur yang masih kurang dikaji.

Melalui langkah sebegini, Malaysia berpeluang membina sistem persaraan yang lebih berdaya tahan, responsif terhadap krisis, serta mampu melindungi kesejahteraan pekerja pada semua peringkat kerjaya. Walau bagaimanapun, keterbatasan kajian ini dari segi saiz sampel dan fokus kepada sektor hospitaliti perlu diakui. Penyelidikan di masa hadapan boleh menggunakan pendekatan campuran (*mixed-method*) dengan data kuantitatif KWSP sebenar bagi menguji pola yang ditemui, selain membuat perbandingan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas sokongan melalui biasiswa Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI), serta kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) atas sokongan institusi sepanjang tempoh pengajian. Penghargaan turut ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai institusi tempat penulis sedang melaksanakan pengajian kedoktoran, serta Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UNIMAS atas bantuan dan dorongan dalam pelaksanaan kajian ini sebagai sebahagian daripada projek PhD.

RUJUKAN

- Afthanorhan, A., Mamun, A. A., Zainol, N. R., Foziah, H., & Awang, Z. (2020). Framing the retirement planning behavior model towards sustainable wellbeing among youth: *The moderating effect of public profiles. Sustainability*, 12(21), 8879. <https://doi.org/10.3390/su12218879>
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Alkhawaja, S. O., & Albaity, M. (2020). Retirement saving behavior: Evidence from UAE. *Journal of Islamic Marketing*, 13(2), 265–286. <https://doi.org/10.1108/JIMA-03-2020-0072>
- Ando, A., & Modigliani, F. (1963). The "life cycle" hypothesis of saving: Aggregate implications and tests. *The American Economic Review*, 53(1), 55–84.

- Argento, R., Bryant, V. L., & Sabelhaus, J. (2014). Early withdrawals from retirement accounts during the Great Recession. *Contemporary Economic Policy*, 33(1), 1–16. <https://doi.org/10.1111/coep.12064>
- Awang, H., Ab. Rashid, N. F., Tey, N. P., & Mansor, N. (2020). Factors associated with savings and withdrawals among Employees Provident Fund members. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 28(3), 2239–2263.
- Bank Negara Malaysia. (2022, March 30). Cost of living revisited: Causes and consequences (Feature article). In Annual report 2021. Bank Negara Malaysia. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6458991/ar2021_en_wb1.pdf
- Bans-Akutey, A., & Tiimub, B. M. (2021). Triangulation in research. *Academia Letters*. <https://doi.org/10.20935/al3392>
- Bateman, H., Dobrescu, L. I., Liu, J., Newell, B. R., & Thorp, S. (2023). Determinants of early-access to retirement savings: Lessons from the COVID-19 pandemic. *The Journal of the Economics of Ageing*, 24, 100441. <https://doi.org/10.1016/j.jeoa.2023.100441>
- BERNAMA. (2022). RM145 bln EPF savings withdrawn under COVID-related withdrawal programmes. Kementerian Kewangan Malaysia. <https://www.mof.gov.my/portal/en/news/press-citations/rm145-bln-epf-savings-withdrawn-under-covid-related-withdrawal-programmes>
- Blanchett, D., Finke, M., & Reuter, J. (2020, June). Portfolio delegation and 401(k) plan participant responses to COVID-19 (NBER Working Paper No. 27438). National Bureau of Economic Research. <https://ssrn.com/abstract=3637739>
- Bosch, M., Cabrita Felix, C., García-Huitrón, M., & Silva-Porto, M. T. (2020). Access to mandatory retirement savings in times of COVID-19: Public policy considerations. *Inter-American Development Bank*.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Butrica, B. A., Zedlewski, S. R., & Issa, P. (2010). Are early withdrawals from retirement accounts a problem? (Retirement Policy Program Brief Series No. 27). *Urban Institute*. <https://www.urban.org/research/publication/are-early-withdrawals-retirement-accounts-problem>
- Charmaz, K. (2006). Constructing grounded theory: A practical guide through qualitative analysis. Sage.
- Chuong Hock, T., Joo Siang, T., Wan Xin, C., & Siok Ping, V. (2022). Psychosocial intervention in response to COVID-19 pandemic in Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(8), e001678. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1678>
- Clark, R., D'Ambrosio, M., McDermed, A., & Sawant, K. (2006). Retirement plans and saving decisions: The role of information and education. *Journal of Pension Economics and Finance*, 5(1), 45–67. <https://doi.org/10.1017/S1474747205002271>
- Creswell, J. W. (2007). Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (2nd ed.). *Sage Publications*.
- Creswell, J. W. (2009). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (3rd ed.). *Sage Publications*.
- Derby, E., Goodman, L., Mackie, K., & Mortenson, J. (2022, April 1). *Changes in retirement savings during the COVID pandemic*. SSRN Electronic Journal. <https://doi.org/10.2139/ssrn.4072053>
- Derby, E., Goodman, L., Mackie, K., & Mortenson, J. (2024). *Changes in retirement savings during the COVID pandemic*. In O. S. Mitchell, J. Sabelhaus, & S. Utkus (Eds.), *Real-world shocks and retirement system resiliency*. Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/oso/9780198894131.003.0006>

- Feher, C., & de Bidegain, I. (2020). Pension schemes in the COVID-19 crisis: Impacts and policy considerations. *International Monetary Fund*.
- Folk, J. Y. (2019). Factors affecting age cohorts on life cycle retirement planning. *Asian Journal of Advanced Research and Reports*, 4(1), 1–17. <https://doi.org/10.9734/AJARR/2019/v4i130099GAO> (United States Government Accountability Office). (2019, March). Retirement savings: Additional data and analysis could provide insight into early withdrawals (GAO-19-179). U.S. Government Publishing Office. <https://www.gao.gov/products/GAO-19-179>
- Goda, G. S., Jackson, E., Nicholas, L. H., & Stith, S. S. (2021). The impact of COVID-19 on older workers' employment and Social Security spillovers. *National Bureau of Economic Research*. <https://doi.org/10.3386/w29083>
- Guest, G., Bunce, A., & Johnson, L. (2006). How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field Methods*, 18(1), 59–82.
- Jackson, R., & Inglis, E. (2021). Asian provident funds: Meeting tomorrow's challenges. *EFI Insight-Finance*. World Bank.
- Jamaluddin, F. (2021). Shifting the goalpost of the bottom 40% households. *The Labour*.
- Jeszeck, C., Lehrer, D., McMurray, J., Fernandez, G., Miskell, S., Tessin, J., & Wendel, A. (2019). Retirement savings: Additional data and analysis could provide insight into early withdrawals. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3389474>
- Jiton, C., & Ibrahim, D. (2024). Determinants of special EPF withdrawals among Malaysian employees amidst the COVID-19 pandemic. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 8(4), 1233–1242. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2024.804224>
- Jo López, F., & Rosas, G. (2022). COVID-19 and attitudes towards early withdrawal of pension funds: The role of trust and political ideology. *Journal of the Economics of Ageing*, 23, 100420. <https://doi.org/10.1016/j.jeoa.2022.100420>
- Jusoh @ Hussain, N. B., Abd Samad, K., Masdek, N. R. N. M., Abdul Rahman, N., Ismail, W. M. W., & Zaki, B. M. (2020). Does income shock during COVID-19 make any difference on consumption among Malaysian households? *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*, 9(3), 21–30.
- Karim, M., Haque, A., Anis, Z., & Ulfy, M. A. (2020). The Movement Control Order (MCO) for COVID-19 crisis and its impact on tourism and hospitality sector in Malaysia. *International Tourism and Hospitality Journal*, 3(2), 1–7. <https://doi.org/10.37227/ithj-2020-02-09>
- Kimiyaahlam, F., Safari, M., & Mansori, S. (2019). Influential behavioral factors on retirement planning behavior: The case of Malaysia. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 30(2), 244–261. <https://doi.org/10.1891/1052-3073.30.2.244>
- Khalid, M. A. (2021). COVID-19: Malaysia experience and key lessons. *Asian Economic Papers*, 20(2), 73–95. https://doi.org/10.1162/asep_a_00801
- Khan, M. A., & Hashim, H. (2020). The effect of COVID-19 on tourism and hospitality industry in Malaysia, resurgence in the post-pandemic era: A conceptual criterion. *International Journal of Tourism and Hospitality Review*, 7(2), 54–62. <https://doi.org/10.18510/ijthr.2020.726>
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2022). Overview. <https://www.kwsp.gov.my/member/overview>
- Lee, S. T., & Hanna, S. D. (2020). Financial knowledge overconfidence and early withdrawals from retirement accounts. *Financial Planning Review*, 3(2). <https://doi.org/10.1002/cfp2.1091>
- Lim, S. M., Tenk, T., Teoh, M., & Lee, T. H. (2021). Employees' retirement saving behaviour during the COVID-19 pandemic in Malaysia. *International Journal of*

- Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(3).
<https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i3/8855>
- Lincoln, Y. S., Lynham, S. A., & Guba, E. G. (2011). Paradigmatic controversies, contradictions, and emerging confluences, revisited. In N. K. Denzin & Y. S. Lincoln (Eds.), *The Sage handbook of qualitative research (4th ed., pp. 97–128)*. Sage.
- Lorca, M. (2020). Effects of COVID-19 early release of pension funds: The case of Chile. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3694889>
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2023). The importance of financial literacy: Opening a new field. *Journal of Economic Perspectives*, 37(4), 137–154.
<https://doi.org/10.1257/jep.37.4.137>
- McGrath, C., Palmgren, P. J., & Liljedahl, M. (2018). Twelve tips for conducting qualitative research interviews. *Medical Teacher*, 41(9), 1002–1006.
<https://doi.org/10.1080/0142159x.2018.1497149>
- Mohd Arifin, S. R. (2018). Ethical considerations in qualitative study. *International Journal of Care Scholars*, 1(2), 30–33. <https://doi.org/10.31436/ijcs.v1i2.82>
- Mohd Arshad, M. I., & Md Nor, N. I. (2023). *The COVID-19 pandemic and retirement savings withdrawals in Malaysia*. *International Social Wellbeing Conference 2023*, 6(2023), 46–53. <https://www.kwsp.gov.my/documents/20126/6ee67219-3019-fdea-ad22-809bb5c2c926>
- Mohd Shahar Abdullah. (2022, August 8). *EPF members' savings in critical condition after COVID-19 withdrawals, says Deputy Finance Minister*. *AJobThing*.
<https://www.ajobthing.com/resources/blog/epf-members-savings-in-critical-condition>
- Nga, J. L., Ramlan, W. K., & Naim, S. (2021). COVID-19 pandemic and its relation to the unemployment situation in Malaysia: A case study from Sabah. *Cosmopolitan Civil Societies: An Interdisciplinary Journal*, 13(2). <https://doi.org/10.5130/ccs.v13.i2.7591>
- Nurhisham Hussein (Chief Strategy Officer, EPF). (2021, October 31). Only 3 per cent of Malaysians can afford to retire, says EPF. *Astro AWANI*.
- OECD. (2020). Retirement savings in the time of COVID-19. OECD Policy Responses to Coronavirus (COVID-19). <https://doi.org/10.1787/b9740518-en>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2022). OECD/INFE toolkit for measuring financial literacy and financial inclusion. *OECD Publishing*.
<https://doi.org/10.1787/54dba970-en>
- Onwuka, I. O. (2021). Tackling poverty in era of COVID-19 pandemic: The contributory Pension option. *African Journal of Business Management*, 15(4), 122–132.
<https://doi.org/10.5897/ajbm2020.9160>
- Palinkas, L. A., Horwitz, S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., Duan, N., & Hoagwood, K. (2015). Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research. *Administration and Policy in Mental Health and Mental Health Services Research*, 42(5), 533–544.
- Phang, P., Labadin, J., & Abd Rahman, S. (2022). Spatial panel data modelling of COVID-19 spreading at district level in Sarawak, Malaysia. In *Lecture Notes in Electrical Engineering (pp. 435–447)*. https://doi.org/10.1007/978-981-16-8515-6_34
- PNB Research Institute. (2021). Social protection in Malaysia (PNBRi Views No. 04). PNB Research Institute. <https://www.pnbri.com.my/sites/default/files/2025-07/PNBRi%20Views%2004%20-%20Social%20Protection%20in%20Malaysia%20%281%29.pdf>
- Qu, S., & Dumay, J. (2011). The qualitative research interview. *Qualitative Research in Accounting & Management*, 8(3), 238–264.
<https://doi.org/10.1108/11766091111162070>
- Ravitch, S. M., & Carl, N. M. (2016). Qualitative research: Bridging the conceptual,

- theoretical, and methodological. *SAGE Publications*.
- Rappaport, A., & Siegel, S. (2020). Impact of COVID-19 on retirement risks. *Society of Actuaries*. <https://www.soa.org/globalassets/assets/files/resources/research-report/2020/covid-19-retirement-risk.pdf>
- Razi, F. D. (2021, October 31). 6.1 juta ahli KWSP mempunyai baki kurang RM10,000, majoriti ahli Bumiputera. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Saldaña, J. (2021). The coding manual for qualitative researchers (4th ed.). *SAGE Publications*.
- Salim, N., Chan, W. H., Mansor, S., Nazira Bazin, N. E., Amaran, S., Faudzi, A. A. M., Shithil, S. M., & others. (2020). COVID-19 epidemic in Malaysia: Impact of lockdown on infection dynamics. *medRxiv*. <https://doi.org/10.1101/2020.04.08.20057463>
- Shariff, N., & Isah, N. (2019). An empirical study on the determinants of retirement savings attitude in Malaysia. *Journal of Physics: Conference Series*, 1366, 012110. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1366/1/012110>
- Sitinurbayu Mohd Yusoff, Syahrudin Ag. Ahmad, Dzurizah Ibrahim, Aisah Meri, & Cyril Modili. (2021). Tinjauan Awal Keberkesanan Kempen Stay-at-Home Terhadap Masyarakat di Kota Kinabalu, Sabah [The effectiveness of the Stay-at-Home campaign to the community in Kota Kinabalu, Sabah: An early review]. *Jurnal Kinabalu*, (27)1, 197–210.
- Skinner, J. (2007). Are you sure you're saving enough for retirement? *Journal of Economic Perspectives*, 21(3), 59–80. <https://doi.org/10.1257/jep.21.3.59>
- Slavov, S. N. (2023). Two decades of Social Security claiming. *Journal of Pension Economics and Finance*, 22(6), 835–850. <https://doi.org/10.1017/S1474747223000239>
- World Bank Group. (2018). Case study on the Employee Provident Fund of Malaysia (The Malaysia Development Experience Series). *World Bank*. <https://documents.worldbank.org/en/publication/documents-reports/documentdetail/850891530329714519>
- Yee, W., David, M., & Alagappar, P. (2009). Filial responsibility among Malaysian youth towards elderly parents. *Indian Journal of Social Work*, 70, 647–663.
- Zheng, H., Roll, S., & Despard, M. (2024). Job loss during COVID-19 on early retirement withdrawals: A moderated-mediation analysis. *Journal of Consumer Affairs*, 58(3), 715-741. <https://doi.org/10.1111/joca.12598>
- Zulfaka, A., & Kassim, S. (2020). Role of COVID-19 pandemic on retirement plans among the working population in Malaysia [Unpublished manuscript]. ResearchGate. https://www.researchgate.net/profile/Auni-Zulfaka/publication/344727532_Role_of_COVID-19_Pandemic_on_Retirement_Plans_among_the_Working_Population_in_Malaysia/links/5f9d914a458515b7cfacddae/Role-of-COVID-19-Pandemic-on-Retirement-Plans-among-the-Working-Population-in-Malaysia.pdf